

Anggap kebaya nyonya simbol perpaduan: PM

BH-24/5/2007.

Pakaian hasil asimilasi, perkenal batik diterima semua kaum

MELBOURNE: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kebaya nyonya tidak sepatutnya dilihat hanya sebagai satu pakaian tradisi, tetapi sebagai simbol terhadap asimilasi pelbagai kaum di Malaysia yang berjaya melahirkan masyarakat yang bersatu padu.

Perdana Menteri berkata, walaupun dipanggil kebaya nyonya oleh kaum Peranakan dan kebaya pendek oleh kaum Melayu, dalam kalangan rakyat Malaysia ada usaha ke arah menerima dan memakai apa yang terbaik.

Malah, pakaian kebaya nyonya secara tidak langsung mempromosikan pemakaian kain batik, yang dahulunya hanya dipakai orang Melayu, katanya selepas merasmikan pameran 'Nyonya Kebaya: Women's Costume From Malaysia' di Muzium Imigresen bersama Janette Howard, isteri Perdana Menteri Australia, John Howard, di sini, semalam.

Pameran itu pertama kali diada-

kan di luar rantau Asean, dianjurkan Yayasan Budi Penyayang Malaysia dengan kerjasama Muzium Victoria yang menyelia Muzium Imigresen. Ia berlangsung lima bulan.

Abdullah, yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Australia berkata, asimilasi kaum di Malaysia dapat dilihat bukan saja dari segi pakaian, tetapi juga makanan serta penggunaan bahasa.

Beliau berkata, promosi pakaian tradisional ini juga bukan saja mempromosikan integrasi dan perpaduan

"Kini pakaian tradisi pelbagai bangsa di Malaysia tidak lagi dipakai bangsa tertentu"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

rakyat Malaysia, tetapi juga secara tidak langsung memberi impak positif kepada industri tekstil dan kraf tangan Malaysia.

Beliau berkata, dulunya hanya orang Melayu memakai, mereka cipta dan menghasilkan batik, tetapi kini dengan promosi dijalankan pelbagai pihak termasuk Yayasan Budi Penyayang, ia sudah menjadi produk pelbagai kaum kerana batik kini bukan hanya direkacipta dan dihasilkan oleh orang Melayu, tetapi juga bangsa lain, yang memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, kini pakaian tradisi pelbagai bangsa di Malaysia tidak lagi dipakai bangsa tertentu, tetapi diterima pakai semua kaum.

Mengenai usaha arwah isterinya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood, mempromosikan pakaian tradisional seperti kebaya nyonya, batik dan kain songket, Abdullah berkata, beliau memberi sokongan sejak awal lagi.

"Apa yang boleh disokong, saya sokong, bukan kerana peribadi, tetapi sebagai satu usaha nasional yang kini turut disokong rakyat Malaysia termasuk sektor swasta," katanya.

Dalam ucapannya pula, Abdullah berkata, kebaya nyonya satu lambang budaya dalam warisan Melayu dan Cina di Malaysia.

Sementara itu, ketika menjawab soalan wartawan Australia mengenai hubungan kedua-dua negara itu, Perdana Menteri berkata, hubungan antara Malaysia dan Australia tetap kukuh walaupun ada ketikanya kedua-dua pihak mempunyai pendapat berbeza dalam isu politik tertentu.

Katanya, isu politik bagaimanapun tidak dicampur aduk dengan aspek lain dalam hubungan dua hala Kuala Lumpur dan Canberra.

Ditanya sama ada beliau menemui Howard, Abdullah berkata Howard membayangkan untuk menemuinya dan tidak mengulas lanjut pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Australia itu. — Bernama